



## JURNAL LINGUISTIK Vol. 27 (2) November 2023 (001-015)

### Analisis Kolokasi Perkataan 教育 (Pendidikan) yang Berciri Tempatan dalam Akhbar Bahasa Cina di Malaysia

Lau Su Kia  
lausk@um.edu.my

*Jabatan Bahasa-bahasa Malaysia dan Linguistik Terapan,  
Fakulti Bahasa dan Linguistik,  
Universiti Malaya*

Tarikh terima : 26 Ogos 2023  
*Received*  
Terima untuk diterbitkan : 15 Oktober 2023  
*Accepted*  
Tarikh terbit dalam talian : 30 November 2023  
*Published online*

#### Abstrak

Kata nama 教育 (*pendidikan*) ialah perkataan berkaitan dengan pendidikan yang paling kerap digunakan dalam akhbar bahasa Cina (BC) di Malaysia. Ia dijadikan sebagai kata nodus dalam kajian ini. Penyelidikan ini bertujuan untuk mengenal pasti kolokasi-kolokasi kata nodus ini yang (i) hanya terdapat dalam Korpus Pendidikan Malaysia (KPM) dan (ii) membawa makna berciri tempatan dalam KPM. Selain itu, faktor-faktor linguistik dan bukan linguistik yang mengakibatkan kewujudan kolokasi-kolokasi berciri tempatan tersebut juga dikaji. Data kajian ini terdiri daripada berita nasional dan artikel yang membincangkan isu-isu pendidikan tempatan dalam tiga jenis akhbar BC di Malaysia dari tahun 2011 hingga 2013. Data tersebut digunakan untuk membentuk korpus utama kajian ini iaitu KPM, manakala *Beijing Language and Culture University Chinese Corpus* (BCC) dijadikan sebagai korpus rujukan untuk dibuat perbandingan dengan KPM. Kolokasi kata nodus ini dalam KPM dicari satu demi satu dalam BCC, dan makna kolokasi yang sama dalam kedua-dua korpus ini juga ditafsirkan. Faktor-faktor kewujudan kolokasi-kolokasi berciri tempatan tersebut bukan sahaja dianalisis berdasarkan data korpus, tetapi juga berdasarkan respons daripada tujuh orang informan. Kata nodus 教育 (*pendidikan*) hadir bersama kata-kata nama tertentu yang merujuk kepada sekolah tempatan, aliran pendidikan, bahasa dan bangsa dalam membentuk kolokasi-kolokasi yang hanya ditemui dalam KPM. Selain itu, terdapat empat kolokasi mendukung makna berciri tempatan dalam KPM. Penterjemahan, cara peminjaman perkataan yang berbeza, penyingkatan perkataan serta perbezaan dari segi makna dan golongan kata kolokat merupakan faktor linguistik yang mengakibatkan kewujudan kolokasi-kolokasi tersebut. Dapatan kajian ini dijangka akan memberi sumbangan kepada perkamusan khususnya kamus kolokasi BC moden edisi baharu.

**Kata kunci:** kolokasi, 教育 (*pendidikan*), berciri tempatan, akhbar, Malaysia.

*Analysis of Localized Collocations of the Word 教育 (Education)  
in Malaysian Chinese Newspapers*

#### Abstract

The noun 教育 (*education*) is the most frequently used education-related word in Malaysian Chinese newspapers, and it serves as a node word in this study. This research aims to identify the collocations of this node word that are (i) only found in the Malaysian Education Corpus (MEC) and (ii) carry localized meanings in MEC. In addition, linguistic and non-linguistic factors that result in the emergence of these localized collocations are also

examined. The data for this study consists of national news and articles discussing local education issues in three types of Chinese newspapers in Malaysia from 2011 to 2013. This data is utilized to constitute the main corpus of this study, which is MEC, while the Beijing Language and Culture University Chinese Corpus (BCC) serves as a reference corpus for comparison with MEC. The collocations of this node word in MEC are searched one by one in BCC, and the meanings of the same collocations in these two corpora are also interpreted. The factors contributing to the emergence of these localized collocations are not only analyzed based on corpus data but also based on responses from seven informants. The node word 教育 (education) is paired with specific nouns referring to local schools, education streams, language, and race in forming collocations that are only found in MEC. In addition, there are four collocations in MEC that convey localized meanings. Linguistic factors such as translation, various word borrowing techniques, shortening of words, as well as differences in meaning and word class of collocates, contribute to the emergence of these collocations. The findings of this study are expected to make a contribution to lexicography, especially in the new edition of the Modern Chinese Collocation Dictionary.

**Keywords:** collocation, 教育 (education), localized, newspapers, Malaysia.

## 1. Pengenalan

Pelbagai isu pendidikan khususnya isu-isu tentang pendidikan BC tempatan lazim dibincangkan dalam media massa BC di Malaysia. Hal ini turut menunjukkan bahawa pendidikan merupakan salah satu isu penting yang sentiasa diambil berat oleh anggota masyarakat Cina dan dibincangkan dari semasa ke semasa (Lau & Su'ad Awab, 2019). 教育 (pendidikan) merupakan perkataan berkaitan dengan pendidikan yang paling kerap digunakan dalam teks-teks yang berkaitan dengan pendidikan dalam surat khabar BC di Malaysia. Oleh yang demikian, kata nama (KN) ini dijadikan sebagai kata nodus dalam penyelidikan ini.

Kolokasi merujuk kepada dua atau lebih perkataan hadir bersama-sama secara kerap dan berulang kali, tetapi bukan secara kebetulan (Benson, 1986; Church & Hanks, 1990). "Hadir bersama" di sini menunjukkan bahawa perkataan-perkataan yang boleh dikolokasikan wujud dalam bentuk rantaian, rentetan (*string*) atau ketulan perkataan (*chunk of words*) dalam teks. Kolokasi perkataan turut menghasilkan frasa yang kuantiti maklumatnya lebih besar daripada perkataan. Kata nodus merupakan perkataan yang dipilih untuk dikaji dalam penyelidikan ini. Dalam kajian ini, 教育 (pendidikan) dipilih sebagai kata nodus. Kolokat pula ialah perkataan-perkataan yang dikolokasikan dengan kata nodus. Kata nodus ini perlu berkolokasi dengan perkataan yang tertentu (kolokat) dalam teks pendidikan untuk merujuk kepada sesuatu dan menghasilkan makna yang tertentu.

Teks-teks berkaitan dengan pendidikan di Malaysia dikumpulkan daripada akhbar-akhbar BC tempatan yang terdiri daripada (i) *Sin Chew Daily*, (ii) *Nanyang Siang Pau* dan (iii) *Guang Ming Daily*. Korpus merupakan koleksi teks sampel sama ada dalam bahasa lisan atau bertulis, dalam bentuk yang boleh dibaca oleh mesin dan boleh dianotasi dengan pelbagai bentuk linguistik (McEnery, Xiao & Tono, 2006). Data akhbar tersebut digunakan untuk membentuk korpus utama kajian ini iaitu Korpus Pendidikan Malaysia (KPM). Ia dibandingkan dengan korpus rujukan China yang besar iaitu *Beijing Language and Culture University Chinese Corpus* (BCC) untuk mengenal pasti kolokasi kata nodus 教育 (pendidikan) yang berciri tempatan.

Kata nodus 教育 (pendidikan) ialah perkataan yang tidak berciri tempatan. Akan tetapi, selepas ia dikolokasikan dengan kata-kata isi (kolokat) yang tertentu, ianya turut menghasilkan frasa (hasil kolokasi) yang hanya terdapat dalam KPM di Malaysia, tetapi tidak ditemui dalam BCC di China. Selain itu, kolokasi kata nodus ini dengan kata-kata isi yang tertentu dalam KPM juga menghasilkan makna berciri tempatan, di mana makna tersebut berbeza dengan makna bagi kolokasi yang sama dalam BCC. Kedua-dua jenis kolokasi tersebut dikategorikan sebagai kolokasi berciri tempatan.

Kolokasi-kolokasi berciri tempatan tersebut hanya digunakan di Malaysia, tetapi tidak digunakan di Tanah Besar China, Taiwan dan Hong Kong. Tambahan lagi, makna sesetengah kolokasi yang berciri tempatan juga tidak difahami oleh pengguna-pengguna BC di luar Malaysia. Sekiranya mereka tidak memahami makna sesetengah frasa (hasil kolokasi) yang berciri tempatan dalam teks pendidikan di

Malaysia, maka mereka tidak akan memahami teks tersebut dengan baik, dan mesej penulis teks pendidikan tersebut juga tidak dapat disampaikan dengan sempurna dan berkesan kepada mereka. Masalah tersebut turut mengakibatkan penyelidikan ini dijalankan.

Secara lebih spesifik, kajian ini bertujuan untuk mencapai tiga objektif seperti berikut:

1. Mengenal pasti kolokasi-kolokasi kata nodus 教育 (*pendidikan*) yang hanya terdapat dalam KPM di Malaysia, sebaliknya tidak ditemui dalam BCC di China;
2. Mengenal pasti kolokasi-kolokasi kata nodus ini yang membawa makna berciri tempatan dalam KPM;
3. Mengkaji faktor-faktor linguistik dan bukan linguistik yang mengakibatkan kewujudan kolokasi-kolokasi yang berciri tempatan tersebut.

## 2. Sorotan Literatur

BC Singapura hampir sama dengan BC Malaysia. Penyelidik di Singapura iaitu Wang (2002) pernah mengkaji item-item leksikal (termasuk hasil kolokasi) yang berciri tempatan dalam BC di Singapura. Item-item leksikal tersebut digolongkan oleh beliau ke dalam lapan kategori, antaranya termasuk:

- i. Item leksikal yang hanya digunakan di kawasan atau negara tertentu. Misalnya, 拥车证 (*sijil kelayakan*) hanya digunakan di Singapura, tetapi tidak digunakan di negara-negara lain;
- ii. Item leksikal BC yang digunakan di sesebuah kawasan atau negara adalah sama dengan yang digunakan di China dari segi bentuk dan sebutan, tetapi maknanya adalah berlainan dengan makna yang terdapat dalam *Putonghua* (BC Mandarin) di China. Makna seperti ini digolongkan sebagai makna yang berciri tempatan. Misalnya, 大字报 merujuk kepada artikel dan slogan yang ditulis dalam tulisan besar dan ditampal di tempat awam di China, manakala item leksikal ini diguna pakai di Singapura untuk merujuk kepada “notis amaran” yang digunakan oleh lintah darat untuk menagih hutang.

Sesetengah kolokasi bukan sahaja mempunyai ciri etnik, zaman, kepelbagaian dan subjektiviti, tetapi juga berciri tempatan. BC Malaysia dianggap sebagai bahasa yang telah “keluar” dari China dan mempunyai sedikit perbezaan dengan *Putonghua*. Hal ini turut menghasilkan pelbagai perkataan dan kolokasi berciri tempatan yang berbeza dengan *Putonghua*. Ia merupakan fenomena evolusi bahasa dan variasi bahasa. Jelas di sini bahawa kolokasi berciri tempatan ialah kehadiran bersama dua perkataan yang hanya ditemui dalam BC di negara atau kawasan tertentu, tetapi tidak terdapat dalam BC di negara-negara lain (Li, 1998).

Dalam BC di Malaysia, 学校 (*sekolah*) lazim berkolokasi dengan penjodoh bilangan (PB) 间 (*buah*), manakala KN ini lazim hadir bersama 所 (*buah*) dalam *Putonghua*. Tambahan pula, kolokasi yang berciri tempatan juga ditemui dalam dialek tempatan di Beijing, misalnya kata kerja (KK) 买 (*membeli*) dan 卖 (*menjual*) lazim berkolokasi dengan 死人 (*orang mati*). Kedua-dua frasa kerja (FK) ini bukan merujuk kepada perbuatan “membeli atau menjual orang mati”, tetapi menunjukkan perbuatan membeli sesuatu barangan dengan harga murah lalu menjualnya dengan harga mahal. Yang menarik di sini adalah, KN 风 (*angin*) hadir bersama 丫头 (*gadis*) dalam dialek Beijing. Walaupun hasil kolokasi ini juga berhomofon dengan 疯 + 丫头 (*gadis gila*), namun ia bukan merujuk kepada gadis angin atau gadis gila, tetapi merujuk kepada gadis yang cergas dan lincah. Begitu juga dengan kolokasi 风 (*angin*) dengan 车子 (*kereta*) bukan merujuk kepada kereta angin, tetapi merujuk kepada keadaan orang lalu-lalang yang cepat dan sibuk. Makna kolokasi-kolokasi tersebut biasanya difahami oleh orang tempatan sahaja (Li, 1998).

Fenomena penggandaan yang termasuk kolokasi kata ganda dalam karya sastera Cina di Singapura pernah diselidik oleh Wang (2019). Data kajian beliau dikumpulkan daripada 13 buah koleksi karya sastera Cina di Singapura. Genre karya sastera tersebut merangkumi puisi, prosa dan novel moden. Dapatan kajian beliau menunjukkan bahawa kolokasi KN dengan kata adjektif (KA) berganda yang tertentu hanya wujud dalam karya sastera Cina di Singapura, tetapi tiada dalam karya sastera Cina di

China. Antaranya termasuk 脑 + 沉沉 (*otak {terasa} berat*), 脸 + 黑黑 (*muka {nampaknya} hitam, iaitu tidak senang hati*), 声 + 细细 (*suara kecil*), 声 + 尖尖 (*suara tajam*) dan 头 + 晕晕 (*kepala {terasa} pening*). Kolokasi seperti ini juga wujud dalam dialek Kantonis di Hong Kong, misalnya 口 + 花花 (*mulut mengatakan sesuatu yang tidak benar dan tidak berguna*) dan 眼 + 光光 (*mata nampaknya tiada fokus*). Selain itu, kolokasi KA berganda dengan KN yang berciri tempatan juga ditemui dalam sastera Cina di Singapura, antaranya termasuk 肥肥 + 叶子 (*daun {yang} besar dan lebar*) dan 瘦瘦 + 雨丝 (*titisan hujan {yang} kecil*). Sebaliknya, tiada kolokasi seperti ini dalam *Putonghua* di China.

Sang (2020) pernah membandingkan item leksikal yang digunakan dalam BC Indonesia dengan *Putonghua* di China. Data kajian beliau dikumpulkan daripada dua jenis akhbar BC di Indonesia, iaitu Harian Indonesia dan Harian Nusantara bahasa Mandarin pada tahun 2019. Didapati bahawa pola kolokasi KK dengan KN adalah sama, tetapi KK yang berlainan digunakan. Misalnya, KK 修葺 (*mengubah suai*) dikolokasikan dengan 渔港 (*pelabuhan nelayan*) dalam BC Indonesia, manakala KK ini hanya hadir bersama KN bangunan seperti 寺庙 (*tokong*) dalam *Putonghua*. Begitu juga dengan KK 开 (*membuka*) berkolokasi dengan KN 摊 (*gerai*) dalam BC Indonesia. Sebaliknya, KK ini biasanya hadir bersama KN yang merujuk kepada sesuatu yang lebih besar seperti 店 (*kedai*) dan 公司 (*syarikat*) dalam *Putonghua*. Selain itu, terdapat juga perbezaan dari segi penggunaan PB dalam BC Indonesia dan *Putonghua*. Didapati bahawa PB 粒 (*biji*) lazim dikolokasikan dengan KN seperti 鸡蛋 (*telur ayam*), 月饼 (*kuih bulan*) dan 气球 (*belon*) dalam BC Indonesia, manakala ketiga-tiga KN tersebut berkolokasi dengan PB 个 (*biji*) dalam *Putonghua*.

Dalam bahasa Inggeris (BI) pula, kolokasi kata sifat penilaian yang berciri tempatan dalam akhbar BI di China pernah diselidik oleh Yu dan Wen (2010). Data kajian mereka diperoleh daripada *China English News Article Corpus* (CENAC) lalu diubah suai menjadi korpus yang baharu, iaitu *Corpus of China English News* (CCEN). Semua teks dalam CCEN dihasilkan oleh penulis di China. Korpus teks berita *British National Corpus* (NBNC) dijadikan sebagai korpus rujukan untuk membuat perbandingan dan mengenal pasti kolokasi-kolokasi berciri tempatan dalam CCEN. Dengan bantuan perisian *Word Smith Tool*, sebanyak 20 kata sifat penilaian yang frekuensi penggunaannya tinggi diekstrak lalu dijadikan sebagai kata nodus dalam kajian mereka. Melalui senarai perkataan (*word list*) dalam *Word Smith Tool*, Yu dan Wen (2010) mendapati bahawa kata-kata sifat penilaian iaitu *great, good, important, rich, beautiful, favourable, strict* dan *precious* banyak digunakan dalam CCEN. Dapatan kajian mereka menunjukkan bahawa budaya tradisional Cina merupakan salah satu faktor yang mengakibatkan KN seperti *experience, heritage* dan *history* lazim dikolokasikan dengan *rich* dalam CCEN. Sebaliknya, kolokasi ini sangat jarang ditemui dalam NBNC. Selain itu, kata sifat *important* lazim berkolokasi dengan *thought, festival* dan *relics* dalam CCEN, sebaliknya tiada kolokasi sebegini dalam NBNC. Kolokasi tersebut turut mencerminkan bahawa sesetengah pemikiran, perayaan dan relik dipentingkan oleh masyarakat Cina di tanah besar China.

Tambahan pula, *transparent* kerap berkolokasi dengan *system* dalam CCEN, sebaliknya tiada kolokasi sebegini dalam NBNC. Jelas di sini bahawa hasil kolokasi BI tersebut diterjemahkan daripada frasa nama (FN) BC iaitu 透明 + 制度 (*sistem transparan*). Yang menarik di sini adalah kata sifat *filial* wujud sebanyak 14 kali dalam CCEN. Ia dikolokasikan dengan kata-kata nama yang merujuk kepada orang seperti *son, daughter* dan *children*. Sebaliknya, *filial* digunakan sekali sahaja dalam NBNC dan ia tidak berkolokasi dengan sebarang KN yang merujuk kepada orang. Dalam NBNC, *colourful + life* wujud sekali sahaja, dan kata sifat *colourful* dalam kolokasi tersebut tidak membawa makna emotif positif. Sebaliknya, *colourful + life* banyak digunakan dalam CCEN untuk merujuk kepada hidup yang berwarna-warni dan ia mendukung makna emotif positif. Jelas di sini bahawa hasil kolokasi BI tersebut diterjemahkan secara literal daripada frasa BC iaitu 多姿多彩 + {的} + 生活 (*hidup yang berwarna-warni*). Tambahan lagi, dalam NBNC, kolokasi *good* dengan *deed* merujuk kepada perkara kecil yang baik, manakala hasil kolokasi tersebut lazim digunakan dalam CCEN untuk merujuk kepada perkara besar yang baik (Yu & Wen, 2010).

Perkataan-perkataan berkaitan dengan pendidikan yang hanya digunakan dalam BC di Malaysia serta membawa makna berciri tempatan pernah dikaji oleh penyelidik-penyelidik seperti Chong (2007), Huang (2014), Lau dan Su'ad (2019) serta Lau dan lain-lain (2022). Kolokasi-kolokasi berciri tempatan dalam BC di Singapura dan Indonesia pula pernah diselidik oleh penyelidik-penyelidik seperti yang dibincangkan di atas. Walaupun begitu, kajian tentang kolokasi perkataan berkaitan dengan pendidikan yang berciri tempatan masih belum ditemui. Ianya turut menjadi salah satu jurang yang perlu diisi oleh penyelidikan ini.

### 3. Metodologi

Kajian ini dijalankan berdasarkan data korpus berkomputer iaitu KPM. Kaedah kualitatif digunakan dalam penyelidikan ini. Angka frekuensi dan skor *Mutual Information* (MI) digunakan untuk menyokong analisis data kualitatif.

#### 3.1 Sumber Data dan Korpus Utama

Data kajian ini adalah jenis ekabahasa, iaitu dalam BC sahaja. Data surat khabar dipilih kerana akhbar bukan sahaja mencerminkan keadaan masyarakat yang membacanya, malahan mencerminkan bahasa yang digunakan oleh golongan penulis dan pembacanya (Zou & You, 2010). Dengan ini, item-item leksikal yang berciri tempatan boleh dikesan melalui akhbar tempatan. Data kajian ini dikumpulkan daripada tiga jenis surat khabar BC dalam talian di Malaysia, iaitu (i) *Sin Chew Daily*, (ii) *Nanyang Siang Pau* dan (iii) *Guang Ming Daily*. Ketiga-tiga jenis akhbar ini mempunyai bilangan pembaca dan penulis yang ramai. Bahasa yang digunakan dalamnya juga mencerminkan corak penggunaan bahasa dalam kalangan pengguna BC di Malaysia. Bahan kajian yang dikumpul ini bukan sahaja terdiri daripada berita nasional yang melaporkan berita tentang pendidikan di Malaysia, tetapi juga terdiri daripada artikel yang membincangkan isu-isu pendidikan tempatan dan memperkenalkan institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan.

Jadual 1: Sumber data kajian

Tahun	Akhbar BC di Malaysia			Bilangan teks	Bilangan aksara
	<i>Sin Chew Daily</i>	<i>Nanyang Siang Pau</i>	<i>Guang Ming Daily</i>		
2011	365	367	361	1,093	903,077
2012	366	364	365	1,095	891,601
2013	369	367	362	1,098	896,557
Jumlah:				3,286	2,691,235

Data kajian ini terdiri daripada 3,286 buah teks yang berkaitan dengan pendidikan di Malaysia dari Januari 2011 hingga Disember 2013 dan juga terdiri daripada 2,691,235 aksara (sila lihat Jadual 1). Pelbagai isu pendidikan dibincangkan dalam tempoh tiga tahun ini. Antaranya termasuk Pelan Pembangunan Pendidikan, polisi pendidikan, pendidikan BC tempatan, masalah guru sandaran, sistem pendidikan sekolah satu atau pelbagai aliran, masalah yang dihadapi oleh sekolah jenis kebangsaan Cina (SJK(C)) dan sekolah menengah persendirian Cina (SMPC), pengiktirafan sijil peperiksaan bersepadu (*UEC*), kelas bahasa ibunda (*POL*) di sekolah menengah kebangsaan (SMK), kerjasama antara universiti tempatan dan universiti luar negara dan sebagainya. Berbagai-bagai jenis item leksikal (termasuk kolokasi) yang berkaitan dengan pendidikan juga digunakan dalam teks-teks tersebut. Hal ini turut mengakibatkan teks-teks pendidikan dalam tempoh ini dipilih untuk dianalisis. Ianya juga merupakan batasan kajian ini. Teks-teks tersebut disemak sebanyak tiga kali untuk memastikannya tiada kesilapan dan pertindihan.

Korpus atau jamaknya korpora merupakan koleksi teks autentik yang disusun daripada ucapan atau teks bertulis, dibina untuk tujuan tertentu, dan disimpan dalam format digital (Imran Ho, Anis Nadiyah & Azhar Jaludin, 2021). Seterusnya, teks-teks pendidikan seperti yang dinyatakan di atas disusun lalu digunakan untuk membentuk korpus utama kajian ini yang dinamakan sebagai *Korpus Pendidikan Malaysia* (KPM).

### 3.2 Korpus Rujukan

Korpus rujukan digunakan untuk membuat perbandingan dalam bahasa yang sama atau dengan bahasa lain. Biasanya, korpus yang saiznya sangat besar dijadikan sebagai korpus rujukan kerana ia merangkumi bidang bahasa yang luas serta terdiri daripada pelbagai jenis bahan yang diperolehi daripada sumber yang berlainan (Leech, 2002). Satu korpus yang besar di China iaitu BCC dijadikan sebagai korpus rujukan dalam kajian ini. Korpus ini dibentuk oleh *Beijing Language and Culture University* dan boleh diakses dalam talian. Ia terdiri daripada lebih kurang 15 billion aksara. Teks BC moden yang terkandung dalamnya diperolehi daripada pelbagai sumber yang merangkumi pelbagai bidang, antaranya termasuk teks-teks pendidikan yang diterbitkan dalam surat khabar di China seperti *Beijing Ribao*, *Fujian Ribao*, *Renmin Ribao* dan *Xiamen Ribao*. Kolokasi dalam KPM dibandingkan dengan korpus ini untuk mengenal pasti kolokasi yang berciri tempatan.

### 3.3 Kaedah Mengenal Pasti dan Menganalisis Data

Dalam kajian ini, 教育 yang berfungsi sebagai KN dan merujuk kepada 'pendidikan' dipilih sebagai kata nodus. Frekuensi penggunaannya ialah 20,554 kali. Dengan bantuan perisian *AntConc*, kolokasi-kolokasi kata nodus ini diekstrak daripada KPM. Skor MI kolokasi-kolokasi tersebut dipastikan agar lebih daripada 3, iaitu merupakan kolokasi tetap, tetapi bukan kombinasi perkataan secara kebetulan atau sesuka hati oleh pengguna BC. Seterusnya, kolokasi-kolokasi ini dimasukkan ke dalam BCC lalu dicari satu demi satu. Bagi kolokasi-kolokasi yang tidak ditemui dalam BCC, ianya turut dikategorikan sebagai kolokasi berciri tempatan yang hanya terdapat dalam KPM (di Malaysia).

Terdapat juga kolokasi yang wujud dalam kedua-dua korpus tersebut. Maknanya dalam kedua-dua korpus ini ditafsirkan satu demi satu dan perbandingan dibuat. Bagi kolokasi dalam KPM yang membawa makna yang berlainan dengan BCC, ia turut dikategorikan sebagai kolokasi yang mendukung makna berciri tempatan. Hal ini disebabkan makna tersebut hanya terdapat dalam BC di Malaysia dan juga difahami oleh pengguna BC tempatan sahaja, seperti mana yang dinyatakan oleh Wang (2002).

Dalam proses menganalisis data korpus, seramai tujuh orang informan telah dirujuk dari semasa ke semasa. Mereka terdiri daripada: editor halaman pendidikan dalam akhbar BC di Malaysia (Informan A), wartawan yang banyak melaporkan berita tentang pendidikan dalam akhbar BC di Malaysia (Informan B), penulis artikel yang membincangkan isu pendidikan dalam akhbar BC tempatan (Informan C), ahli Majlis Pembakuan BC Malaysia (Informan D), profesor madya di Universiti Teknologi Henan China yang banyak mengkaji pendidikan di Malaysia dan China (Informan E) dan pengajar dari China yang mengajar di Institut Kong Zi IPTA Malaysia (Informan F dan G). Sesetengah faktor yang mengakibatkan kewujudan kolokasi-kolokasi berciri tempatan tersebut dapat dikenal pasti daripada mereka. Hasil kolokasi berbeza yang digunakan di China juga dapat dikenal pasti melalui respons daripada informan China tersebut.

## 4. Analisis Data

Terdapat sebanyak 14 kolokasi kata nodus 教育 (*pendidikan*) hanya wujud dalam KPM. Selain itu, terdapat empat kolokasi mendukung makna berciri tempatan dalam KPM. Kolokasi-kolokasi tersebut dan faktor-faktor kewujudannya dibincangkan berserta dengan contoh-contoh ayat KPM yang autentik.

### 4.1 Kolokasi Kata Nodus 教育 (*Pendidikan*) yang Hanya Terdapat dalam KPM (Malaysia) serta Faktor-faktor Kewujudannya

Kolokasi 教育 (*pendidikan*) dengan 11 kolokat, iaitu sembilan KN, satu KK dan satu KA yang tertentu di sebelah kirinya ditemui dalam KPM sahaja. Semua kolokasi ini mempunyai skor MI yang lebih daripada 3, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2 berikut.

Jadual 2: Kolokasi kata nodus 教育 (pendidikan) yang berciri tempatan (sebelah kiri)

Pola kolokasi	Item	Kolokasi dalam KPM	Terjemahan dalam bahasa Melayu (BM)	Frekuensi (kali)	Skor MI	Kolokasi dalam BCC
KN 1 + KN	1	大马 + 教育	pendidikan Malaysia	669	5.45	马来西亚 + 教育 *
	2	独中 + 教育	pendidikan SMPC	205	3.17	-
	3	华小 + 教育	pendidikan SJK(C)	88	4.37	-
	4	单源 + 教育	pendidikan satu aliran	8	7.21	单一 + 教育*
	5	淡米尔文 + 教育	pendidikan bahasa Tamil (BT)	8	4.74	-
	6	多源 + 教育	pendidikan pelbagai aliran	7	6.72	-
	7	淡米尔 + 教育	pendidikan BT	6	3.96	-
	8	华族 + 教育	pendidikan bangsa Cina	5	3.67	汉族 + 教育
	9	本邦 + 教育	pendidikan negara ini, iaitu pendidikan tempatan	3	6.79	我国 + 教育 * 本国 + 教育 *
KK + KN	10	安老 + 教育	pendidikan menghormati dan menjaga orang tua	5	6.72	爱老 + 教育 敬老 + 教育
KA + KN	11	单元化 + 教育	pendidikan {yang} bercorak tunggal	58	6.79	单一 + 教育 * 单一化 + 教育

\* Terdapat juga dalam KPM.

(a) KN 1 + KN (教育 (pendidikan))

Berdasarkan Jadual 2, 教育 (pendidikan) hadir bersama dua KN yang merujuk kepada sekolah, iaitu 独中 (SMPC) dan 华小 (SJK(C)) dalam Item (2) dan (3). 独中 (SMPC) dalam Item (2) ialah sekolah swasta tempatan yang bukan ditubuhkan oleh kerajaan, tetapi dibina oleh orang Cina tempatan. Sebaliknya, KN ini tidak digunakan di China. Hal ini turut mengakitkannya berkolokasi dengan 教育 (pendidikan) dalam ayat KPM sahaja seperti yang berikut untuk merujuk kepada pendidikan SMPC di Malaysia.

而 独中教育 培育一批又一批优秀的人才, .....

Pendidikan SMPC telah memupuk segolongan bakat yang cemerlang dari semasa ke semasa, ...

华小 (SJK(C)) dalam Item (3) merujuk kepada sekolah rendah jenis kebangsaan di Malaysia yang menjadikan BC sebagai bahasa pengantar dalam pengajaran dan pembelajaran. Menurut informan F dan G, oleh sebab BC dijadikan sebagai bahasa pengantar dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah rendah China, maka tiada KN seperti ini digunakan khas untuk merujuk kepada sekolah yang menjadikan BC sebagai bahasa pengantar di China. Hal ini turut mengakitkannya 教育 (pendidikan) dikolokasikan dengan KN tersebut dalam ayat KPM sahaja seperti berikut:

不排除 2025 年之后, 华小教育 将完全消失, .....

Kemungkinan besar pendidikan SJK(C) akan lenyap sepenuhnya selepas tahun 2025, ...

Kata nodus 教育 (pendidikan) juga berkolokasi secara terikat dengan dua KN yang merujuk kepada aliran sekolah, iaitu 单源 (satu aliran) dan 多源 (pelbagai aliran) di sebelah kirinya. Dalam KPM, 单源 + 教育 (pendidikan satu aliran) dalam Item (4) merujuk kepada sistem pendidikan yang menggunakan satu bahasa pengantar dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Kurikulum

juga diseragamkan di bawah sistem pendidikan ini. Kolokasi tersebut terkandung dalam ayat KPM berikut:

华社关注政府 1956 年 单源教育 政策。

Masyarakat Cina tempatan mengambil berat tentang polisi pendidikan satu aliran yang dikemukakan oleh pihak kerajaan Malaysia pada tahun 1956.

Kolokat 单源 (*satu aliran*) disingkatkan daripada 单一源流 (*satu aliran*). Menurut informan A dan B, tujuan penyingkatan tersebut adalah untuk menjadikan ayat dalam berita pendidikan lebih ringkas dan padat. Perkataan ini masih belum dikamuskan dalam Kamus BC Moden Edisi ke-7 (2016). Ia dikolokasikan dengan 教育 (*pendidikan*) oleh pengguna BC tempatan sahaja untuk merujuk kepada pendidikan satu aliran.

Penterjemahan merupakan salah satu faktor kewujudan kolokasi berciri tempatan (Yu & Wen, 2010). 多种源流 (*pelbagai aliran*) diterjemahkan daripada frasa BM iaitu *pelbagai aliran*, dan ia disingkatkan menjadi kolokat 多源 (*pelbagai aliran*) dalam Item (6) lalu dikolokasikan dengan 教育 (*pendidikan*) dalam KPM untuk merujuk kepada sistem pendidikan sekolah pelbagai aliran yang terdiri daripada sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan dan sekolah agama, seperti dalam ayat KPM berikut:

另一项则是呼吁政府检讨现有的教育法令，以便公平合理地实施 多源教育 政策。

Satu lagi perkara adalah menyeru pihak kerajaan supaya mengkaji balik akta pendidikan masa kini agar dapat melaksanakan polisi pendidikan pelbagai aliran dengan adil dan rasional.

Sebaliknya, kolokat ini digunakan dalam BCC untuk merujuk kepada “pelbagai sumber”. Perbezaan makna tersebut turut mengakitkannya tidak hadir bersama 教育 (*pendidikan*) dalam BCC.

Kata nodus 教育 (*pendidikan*) juga dikolokasikan dengan KN yang merujuk kepada bahasa di sebelah kirinya dalam KPM. Perkataan *Tamil* dipinjam ke dalam BC Malaysia menjadi 淡米尔 (*Tamil*), manakala ia dipinjam menjadi 泰米尔 (*Tamil*) dalam *Putonghua* dan digunakan dalam BCC. Bentuk dan sebutan morfem pertama kedua-dua kata pinjaman ini adalah berbeza. Perbezaan dari segi peminjaman bahasa tersebut turut menyebabkan FN (hasil kolokasi) yang terdiri daripada dua kata pinjaman ini iaitu Item (5) dan (7) ditemui dalam ayat KPM sahaja:

.....，因此他也获得受 淡米尔文教育 的印度人的尊敬。

..., oleh sebab itu, beliau (Lim Lian Geok) juga dihormati oleh orang India tempatan yang menerima pendidikan bahasa Tamil.

KN 华族 (*bangsa Cina*) digunakan sejak 1950-an untuk merujuk kepada etnik Cina di negara-negara Asia Tenggara yang termasuk Malaysia (Li, 2010). 汉族 (*bangsa Han*) pula digunakan untuk merujuk kepada bangsa Cina yang merupakan etnik terbesar di China. 华族 + 教育 dalam Item (8) merujuk kepada pendidikan kaum Cina di Malaysia, seperti dalam ayat KPM berikut:

他呼吁华裔尽全力捍卫保存 华族教育、文化、历史与根。

Beliau menyeru etnik Cina agar mempertahankan dan mengekalkan pendidikan, budaya, sejarah dan ‘akar umbi’ bangsa Cina dengan sedaya upaya.

Sebaliknya, tiada kolokasi sebegini dalam BCC. Hal ini disebabkan bangsa Cina (汉族) merupakan golongan etnik yang majoriti di China, dan rakyat di negara tersebut menerima pendidikan yang sama. Walaupun 汉族 + 教育 (*pendidikan bangsa Han (Cina)*) ditemui dalam BCC, tetapi ia digunakan sekali sahaja dalam korpus rujukan tersebut untuk membezakan pendidikan bangsa Han dengan pendidikan etnik minoriti di China.



Kolokat 本邦 dalam Item (9) bersinonim dengan 本国 dan 我国, iaitu merujuk kepada negara kita atau tempatan. 我国 + 教育 (*pendidikan tempatan*) dan 本国 + 教育 (*pendidikan tempatan*) ditemui dalam ketiga-tiga korpus, manakala 本邦 + 教育 (*pendidikan tempatan*) dalam Item (9) ditemui dalam ayat KPM sahaja seperti berikut:

....., 它的一些未完善之处引起了许多关心 本邦教育 发展的人士议论纷纷。  
 ..., ketidaklengkapannya turut menimbulkan perbincangan dalam kalangan masyarakat yang mengambil berat tentang perkembangan pendidikan tempatan.

Dalam BCC, kolokat 本邦 (*tempatan*) tidak dikolokasikan dengan KN 教育 (*pendidikan*), tetapi hadir bersama KN lain seperti 人 (*orang*), 税 (*cukai*) dan 菜 (*sayuran*).

(b) **KK + KN**

Dalam KPM, 安老 + 教育 dalam Item (10) merujuk kepada pendidikan yang mendidik golongan muda agar menghormati, menyayangi dan menjaga orang tua khususnya ibu bapa. Berikut adalah ayat KPM yang mengandungi kolokasi tersebut:

....., 所以在 安老教育 方面或检讨是必要的。  
 ..., maka adalah perlu untuk mengkaji semula pendidikan yang mendidik golongan muda menghormati dan menjaga orang tua.

Dua hasil kolokasi yang lain iaitu 敬老 + 教育 (*pendidikan menghormati orang tua*) dan 爱老 + 教育 (*pendidikan menyayangi orang tua*) digunakan dalam BCC untuk merujuk kepada pendidikan yang sama seperti yang dibincangkan di atas.

(c) **KA + KN**

Kata nodus 教育 (*pendidikan*) juga dikolokasikan dengan KA 单元化 (*{yang} bercorak tunggal*) dalam Item (11) untuk merujuk kepada pendidikan tunggal atau satu aliran. Kolokasi tersebut hanya ditemui dalam ayat KPM seperti yang berikut:

第 13 届大选过后, 关于国民和解计划、国民团结、单元化教育与多元化教育等课题再度受到关注。  
 Selepas pilihan raya umum ke-13, isu-isu tentang rancangan berdamai dalam kalangan rakyat, perpaduan rakyat, pendidikan {yang} bercorak tunggal dan pelbagai aliran sekali lagi diambil berat oleh orang ramai.

Didapati bahawa 教育 (*pendidikan*) hadir bersama 单元 (*tunggal*) dalam BCC, tetapi tidak dikolokasikan dengan 单元化 (*bercorak tunggal*) dalamnya. Menurut informan B, penulis BC tempatan cenderung menambahkan morfem -化 dalam sesetengah KA yang merupakan kolokat. Faktor linguistik ini turut menghasilkan kolokasi berciri tempatan tersebut.

Selain itu, kolokasi kata nodus 教育 (*pendidikan*) dengan tiga KN yang tertentu di sebelah **kanannya** turut menghasilkan FN berciri tempatan yang hanya terdapat dalam KPM, seperti dalam Jadual 3 berikut.

Jadual 3: Kolokasi kata nodus 教育 (pendidikan) yang berciri tempatan (sebelah kanan)

Pola kolokasi	Item	Kolokasi dalam KPM	Terjemahan dalam BM	Frekuensi (kali)	Skor MI	Kolokasi dalam BCC
KN + KN 1	12	教育 + 贷学金	pinjaman pendidikan	25	3.87	助学 + 贷款
	13	教育 + 援助金	bantuan kewangan pendidikan	12	3.59	教育 + 补助金*
	14	教育 + 草案	rang undang-undang pendidikan	12	6.27	-

\* Terdapat juga dalam KPM

(d) KN (教育 (pendidikan)) + KN 1

Kata nodus 教育 (pendidikan) dikolokasikan dengan 奖学金 (biasiswa) dalam KPM dan BCC untuk merujuk kepada biasiswa pendidikan. Sebaliknya, kolokasinya dengan 贷学金 (pinjaman) dalam Item (12) hanya ditemui dalam KPM. Kolokasi tersebut merujuk kepada pinjaman pendidikan yang ditawarkan kepada pelajar di Malaysia untuk membantu mereka menyempurnakan pelajaran di IPT, misalnya pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional. Sebaliknya, pinjaman pendidikan di China dikenali sebagai 助学 + 贷款 (pinjaman pendidikan), seperti mana yang digunakan dalam BCC.

教育 + 援助金 (bantuan kewangan pendidikan) dalam Item (13) pula ialah bantuan khas persekolahan/pendidikan yang diberi oleh kerajaan kepada pelajar sekolah rendah dan menengah di Malaysia. Wang bantuan tersebut boleh digunakan oleh pelajar untuk membeli alat tulis atau membayar yuran, seperti dalam ayat KPM berikut:

....., 今年再度发放 100 令吉的 教育援助金, .....

..., bantuan kewangan pendidikan sebanyak RM100 diperuntukkan oleh pihak kerajaan sekali lagi pada tahun ini, ...

Menurut informan F, terdapat juga bantuan kewangan pendidikan yang lebih kurang sama di China, tetapi ia dikenali sebagai 教育 + 补助金 (bantuan kewangan pendidikan) seperti yang ditemui dalam BCC. Didapati bahawa 援助金 (bantuan kewangan) tidak dikolokasikan dengan 教育 (pendidikan) dalam BCC, tetapi hadir bersama KN lain yang tidak berkaitan dengan pendidikan, misalnya 法律 (undang-undang), 经济 (ekonomi) dan 家庭 (keluarga).

Di Malaysia, 教育 + 草案 dalam Item (14) merujuk kepada Rang Undang-undang Pendidikan 1995 yang diperkenalkan untuk memansuhkan Akta Pelajaran 1961 bagi melaksanakan dasar pendidikan berasaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Ishak Ramly, 2005). Dengan kata lain, kolokasi ini dihasilkan khas untuk merujuk kepada sesuatu yang hanya terdapat di Malaysia, seperti dalam ayat KPM berikut:

教育部就清楚表明国阵成员党及相关非政府组织在提呈 1995 年 教育草案 时, 基于团结原则达成协议, .....

Pihak Kementerian Pendidikan menyatakan bahawa prinsip perpaduan merupakan sebab yang membolehkan persetujuan tercapai di antara parti-parti komponen Barisan Nasional dengan organisasi-organisasi bukan kerajaan semasa Rang Undang-undang Pendidikan 1995 dibentangkan, ...

Dalam BCC, kolokat 草案 (rang undang-undang) tidak hadir bersama 教育 (pendidikan), tetapi berkolokasi dengan KN lain yang tidak berkaitan dengan pendidikan, misalnya 宪法 (perlembagaan), 法规 (undang-undang dan peraturan) dan 协议 (perjanjian).

#### 4.2 Kolokasi Kata Nodus 教育 (Pendidikan) yang Membawa Makna Berciri Tempatan dalam KPM (Malaysia) serta Faktor-faktor Kewujudannya

Kolokasi kata nodus 教育 (pendidikan) dengan empat kolokat yang terdiri daripada KN, KA dan KK di sebelah kirinya dalam KPM turut menghasilkan makna berciri tempatan yang berlainan dengan makna bagi kolokasi yang sama dalam BCC. Skor MI kolokasi-kolokasi ini adalah tinggi, iaitu lebih daripada 4.9, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.

Jadual 4: Kolokasi kata nodus 教育 (pendidikan) yang membawa makna berciri tempatan (sebelah kiri)

Pola	Item	Kolokasi	Makna yang berlainan			
			Makna dalam KPM	Frekuensi (kali)	Skor MI	Makna dalam BCC
KN 1 + KN	15	民族 + 教育	pendidikan bangsa tertentu di Malaysia	89	4.99	pendidikan untuk etnik minoriti di China
KA + KN	16	单元 + 教育	pendidikan bersistem sekolah satu aliran	178	6.51	pendidikan yang berdasarkan bab atau topik pengajaran
	17	多元 + 教育	pendidikan bersistem sekolah pelbagai aliran	82	4.95	pendidikan pluralistik
KK + KN	18	回归 + 教育	kembali ke pendidikan	19	6.42	pendidikan regresi

##### (a) KN 1 + KN (教育 (pendidikan))

Dalam BCC, 民族 + 教育 dalam Item (15) merujuk kepada pendidikan yang diberikan kepada kumpulan etnik minoriti (少数民族) di China seperti Inner Mongolia, Sinkiang dan Ningxia. Maknanya boleh difahami melalui ayat BCC berikut, iaitu:

..... 最有远见卓识的是大力发展 民族教育 事业, 不断提高少数民族劳动者的科学文化素质。

... perkara yang paling berpandangan jauh adalah membangunkan pendidikan etnik minoriti secara bersungguh-sungguh dan terus meningkatkan kualiti saintifik dan budaya golongan etnik minoriti tersebut.

Dalam KPM pula, kolokasi ini merujuk kepada pendidikan bangsa Cina di Malaysia, seperti dalam ayat KPM berikut:

..... , 但是, 必须要是独中的模式, 能够符合 民族教育 的系统。

..., akan tetapi, ianya mestilah model SMPC yang selaras dengan sistem pendidikan bangsa (Cina), ...

##### (b) KA + KN

Dalam BCC, 单元 + 教育 dalam Item (16) merujuk kepada pendidikan yang mementingkan pengajaran dan pembelajaran dalam bab atau topik yang tertentu. Misalnya, “Mengenal tanah air yang mulia” merupakan salah satu bab atau topik yang diberi fokus dalam pendidikan tersebut. Dalam kolokasi ini, kolokat 单元 (bab/topik) berfungsi sebagai KN yang merujuk kepada bab atau topik, seperti dalam ayat BCC berikut:

在“认识伟大的祖国”的 单元教育 中, 小朋友们还去参观了电话、电灯公司、.....

Semasa menjalankan pendidikan {dalam} topik “Mengenal tanah air yang mulia”, murid-murid sekolah rendah juga melawat syarikat telefon dan lampu, ...

Dalam KPM pula, 单元 + 教育 merujuk kepada sistem pendidikan satu aliran. Dalam kolokasi tersebut, kolokat 单元 (*satu aliran*) berfungsi sebagai KA, seperti dalam ayat KPM berikut:

他说,《教育大蓝图》于今年7月定案,以推行单元教育政策的三个阶段。  
Beliau berkata bahawa Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia telah dimuktamadkan pada Julai tahun ini untuk melaksanakan tiga peringkat dalam polisi pendidikan satu aliran.

Jelas di sini bahawa perbezaan makna dan golongan kata kolokat 单元 (*topik/satu aliran*) turut menghasilkan kolokasi yang membawa makna berciri tempatan dalam KPM.

Tambahan pula, dalam BCC, 多元 + 教育 dalam Item (17) merujuk kepada pendidikan pluralistik yang menggunakan pelbagai kaedah pengajaran dan melibatkan pelbagai aspek. Dalam kolokasi ini, kolokat 多元 (*pluralistik*) digunakan untuk menyifatkan pendidikan yang mementingkan kaedah pengajaran yang pelbagai, seperti dalam ayat BCC berikut:

幼儿园不应只教小朋友唱唱跳跳,而是要结合当地发展多元教育,加入一些主题教学,.....  
Tadika bukan sahaja perlu mengajar kanak-kanak menyanyi dan menari, tetapi juga wajar menggabungkan ciri-ciri tempatan untuk mengembangkan pendidikan pluralistik serta menambahkan sedikit sebanyak pengajaran tematik ke dalamnya, ...

Dalam KPM pula, 多元 + 教育 merujuk kepada pendidikan yang bersistem sekolah pelbagai aliran. Di bawah sistem pendidikan ini, sekolah aliran Cina dan Tamil menjadikan BC dan BT sebagai bahasa pengantar dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah masing-masing. Dalam kolokasi ini, kolokat 多元 (*pelbagai aliran*) digunakan untuk menyifatkan aliran sekolah, seperti dalam ayat KPM berikut:

这项教育大蓝图提到多元教育使到各族不能团结,.....  
Pelan pendidikan ini menunjukkan bahawa pendidikan pelbagai aliran menghalang perpaduan kaum di negara ini, ...

Perbezaan makna kolokat 多元 (*pluralistik/pelbagai aliran*) turut mengakibatkan kolokasi ini membawa makna berciri tempatan dalam KPM.

(c) **KK + KN**

Dalam BCC, 回归 + 教育 dalam Item (18) merujuk kepada pendidikan regresi yang membolehkan orang dewasa yang sudah menerima pendidikan asas dan bekerja pulang ke sekolah atau IPT untuk terus belajar apabila mereka memerlukan ilmu atau teknik yang berkenaan (Feng, 2008). Maknanya boleh difahami melalui ayat BCC berikut:

..... MBA班办得红红火火,“回归教育”、“继续教育”成为热门就可见一斑。  
... kelas MBA sedang berkembang pesat, dan dapat dilihat bahawa ‘pendidikan regresi’ dan ‘pendidikan berterusan’ telah menjadi popular.

Sebaliknya, 回归 + 教育 dijadikan sebagai FK dalam KPM. Maknanya ialah “kembali ke pendidikan”, seperti dalam ayat KPM berikut:

教育问题自然不能回归教育,.....  
Masalah pendidikan tidak boleh kembali ke pendidikan, ...

Oleh sebab 终身 + 教育 (*pendidikan sepanjang hayat*) lazim digunakan di Malaysia, maka 回归 + 教育 (*pendidikan regresi*) tidak lagi digunakan dalam KPM untuk merujuk kepada pendidikan jenis ini.

### 4.3 Perbincangan

Kolokasi-kolokasi berciri tempatan yang dibincangkan di atas turut menunjukkan bahawa BC Malaysia bukan sahaja mempunyai sedikit perbezaan dengan *Putonghua* di China, tetapi juga mempunyai ciri-ciri yang tersendiri. Perbezaan ini turut mengakibatkan makna sesetengah kolokasi tersebut tidak difahami oleh pembaca teks pendidikan Malaysia yang bukan merupakan pengguna BC tempatan. Pembaca luar negara mungkin perlu memahami makna kolokasi-kolokasi ini dengan mencari maknanya melalui sumber tertentu seperti internet.

Kolokasi terbahagi kepada kolokasi leksikal dan kolokasi gramatikal (Benson, Benson, & Ilson, 1986). Semua kolokasi berciri tempatan yang dikenal pasti melalui kajian ini merupakan kolokasi leksikal. Hal ini disebabkan bilangan kata tugas yang hadir bersama kata nodus ini adalah sangat sedikit, dan biasanya kolokasi gramatikal dalam KPM adalah sama dengan BCC. Perbezaan ini juga menunjukkan bahawa item leksikal (termasuk hasil kolokasi) BC berubah dan berkembang dengan lebih pantas daripada tatabahasa.

Yang menarik di sini adalah, terdapat FN (hasil kolokasi) yang berlainan digunakan dalam KPM (Malaysia) dan BCC (China) untuk merujuk kepada sesuatu yang sama, seperti dalam Item (10) dan (12). Tambahan lagi, cara peminjaman bahasa yang mempunyai sedikit perbezaan di antara China dan Malaysia juga mengakibatkan kewujudan kolokasi berciri tempatan, seperti dalam Item (5) dan (7). Adakah penggunaan FN tersebut harus diselaraskan supaya tidak menimbulkan kekeliruan? Sebenarnya, FN yang berciri tempatan tersebut sudah lama digunakan dalam kalangan masyarakat Cina di Malaysia, dan maknanya juga difahami oleh pengguna BC tempatan. Oleh yang demikian, kolokasi-kolokasi tersebut tidak perlu diselaraskan. Lebih-lebih lagi, secara keseluruhannya, perbezaan minor ini juga tidak menjejaskan komunikasi di antara pengguna BC Malaysia dan pengguna *Putonghua* di China.

### 5. Kesimpulan

Hasil analisis menunjukkan bahawa kata nodus 教育 (*pendidikan*) dikolokasikan dengan 14 kata isi (kolokat) yang berlainan lalu menghasilkan kolokasi berciri tempatan yang terdapat dalam KPM sahaja. Kolokat-kolokat tersebut ialah KN yang merujuk sekolah tempatan, aliran pendidikan, bahasa dan etnik. Sesetengah KN tersebut adalah berciri tempatan. Sebaliknya, bilangan KK dan KA yang dikolokasikan dengan kata nodus ini dalam membentuk kolokasi-kolokasi berciri tempatan adalah sangat sedikit.

Selain itu, kata nodus ini hadir bersama dua KA, satu KN dan satu KK yang berlainan dalam menghasilkan kolokasi-kolokasi yang mendukung makna berciri tempatan. Yang menarik di sini adalah 单源 + 教育 dan 单元 + 教育 sama merujuk kepada pendidikan sekolah satu aliran dalam KPM, manakala 单源 + 教育 tidak wujud dalam BCC, dan 单元 + 教育 bukan merujuk kepada pendidikan sekolah satu aliran dalam BCC. Begitu juga dengan 多源 + 教育 dan 多元 + 教育 sama merujuk kepada pendidikan sekolah pelbagai aliran dalam KPM, manakala 多源 + 教育 tidak ditemui dalam BCC, dan 多元 + 教育 bukan lagi merujuk kepada pendidikan sekolah pelbagai aliran dalam korpus rujukan tersebut.

Terdapat tujuh faktor linguistik yang mengakibatkan kewujudan kolokasi-kolokasi berciri tempatan tersebut, iaitu:

- a. Penterjemahan daripada bahasa lain ke dalam BC;
- b. Cara peminjaman bahasa yang berlainan antara Malaysia dan China;
- c. Penyingkatan perkataan;
- d. Kolokat merupakan perkataan yang berciri tempatan;
- e. Perbezaan makna kolokat;
- f. Perbezaan golongan kata kolokat;
- g. Kecenderungan penulis BC tempatan menambahkan morfem tertentu dalam kolokat.

Selain itu, terdapat dua faktor bukan linguistik yang menyebabkan kewujudan kolokasi-kolokasi berciri tempatan tersebut dalam KPM, iaitu:

- a. Sistem pendidikan Malaysia berbeza dengan China;
- b. Merujuk kepada sesuatu yang hanya terdapat di Malaysia, tetapi tiada di China.

Diharapkan agar kolokasi-kolokasi berciri tempatan yang diperoleh melalui kajian ini dapat dimasukkan ke dalam kamus kolokasi BC moden yang akan diterbitkan pada masa hadapan. Perkamusan ini akan menjadikan hasil kolokasi (frasa) dalam kamus tersebut lebih terkini dan berciri global. Selain itu, sekiranya makna kolokasi-kolokasi berciri tempatan tersebut dapat disemak dalam kamus ini, maka ia akan membantu pembaca yang bukan pengguna BC Malaysia memahami makna frasa-frasa tersebut semasa mereka membaca teks pendidikan dalam akhbar BC tempatan. Selain itu, dapatan kajian ini juga dijangka akan memberi sedikit sebanyak sumbangan dan implikasi terhadap pengajaran dan pembelajaran kolokasi perkataan BC di sekolah tempatan.

Dicadangkan agar penyelidik masa depan boleh mengkaji kolokasi-kolokasi berciri tempatan dalam teks BC bidang tertentu di Malaysia, antaranya termasuk politik, ekonomi, perundangan, kesusasteraan, agama, sukan dan hiburan. Selain itu, kolokasi perkataan berciri tempatan dalam iklan perniagaan BC di Malaysia juga boleh diteliti. Korpus utama perlu dibentuk khas untuk tujuan kajian masing-masing. Selain itu, penyelidik boleh membentuk korpus perbandingan yang tersendiri atau membuat perbandingan dengan BCC untuk mengenal pasti kolokasi-kolokasi berciri tempatan yang hanya terdapat di Malaysia. Selain itu, kolokasi-kolokasi yang mendukung makna berciri tempatan juga boleh diselidik. Tambahan lagi, kolokasi-kolokasi dalam teks BC bidang tertentu di Hong Kong, Macau, Taiwan dan Singapura boleh dibandingkan antara satu sama lain, atau dibandingkan dengan Tanah Besar China untuk mengenal pasti kolokasi-kolokasi yang berciri tempatan.

## Rujukan

- Benson, M. (1986). Collocations and idioms. Dlm R. F. Ilson (Ed.), *EIT documents 120: Dictionaries 120: Dictionaries. Lexicography and language learning*. Oxford: Pergamon.
- Benson, M., Benson, E., & Ilson, R. (1986). *The BBI combinatory dictionary of English: A guide to word combinations*. Amsterdam/Philadelphia: John Benjamins.
- Chong, S. L. (2007). Cong Malaixiya huawen baozhang shiyong de ciyu ji qi xingshi tan Malaixiya fengqing. Dlm S. L. Chong, (Pnyt.), *Discovering the language - Diversity, variation and standardization* (hlm. 103-124). Kuala Lumpur: Penerbitan Seni Hijau Sdn. Bhd.
- Church, K., & Hanks, P. (1990). Word association norms, mutual information, and lexicography. *Computational Linguistics*, 16(1), 22-29.
- Huang, H. Y. (2014). *Malaixiya Huayu ciyu yanjiu*. Tesis PhD, Faculty of Chinese Linguistics, Southwest University, China.
- Imran Ho Abdullah, Anis Nadiyah Che Abdul Rahman & Azhar Jaludin. (2021). The development of the Malaysian hansard corpus: A corpus of parliamentary debates 1959-2020. *Jurnal Linguistik*, 25(1), 66-79.
- Ishak Ramly. (2005). *Inilah kurikulum sekolah: Siri pengurusan sekolah*. Bentong, Pahang: PTS Professional Publishing Sdn Bhd.
- Lau, S. K., Kaur, S., Jariah Mohd Jan & Su'ad Awab. (2022). Makna perkataan berkaitan dengan pendidikan yang berciri tempatan dalam akhbar bahasa Cina di Malaysia. *Jurnal Linguistik*, 26(1), 1-15.
- Lau, S. K., & Su'ad Awab. (2019). Kajian perkataan bahasa Cina berkaitan dengan pendidikan yang digunakan di Malaysia berdasarkan korpus berkomputer. *Kajian Malaysia*, 37(1), 83-107.
- Leech, G. (2002). The importance of reference corpora. Didapatkan dari <http://www.uzei.eu/wp-content/uploads/2017/06/06-Geoffrey-LEECH.pdf>
- Li, Y. D. (1998). *Xiandai Hanyu ciyu dapei*. Beijing: Shangwu Yinshuguan Guoji Youxian Gongsi.
- Li, Y. M. (Pnyt.). (2010). *New century global Chinese dictionary*. Beijing: The Commercial Press.
- McEnery, T., Xiao, R., & Tono, Y. (2006). *Corpus-based language studies: An advanced resource book*. London and New York: Routledge Taylor and Francis Group.
- Sang, Y. L. (2020). *Study on the differences between Indonesian Chinese and Putonghua written words and the corresponding teaching strategies*. Disertasi Sarjana, Shandong Normal University, China.
- Wang, H. D. (2002). Xinjiapo Huayu teyou ciyu tanwei. Dalam Q. H. Zhou (Pnyt.), *Xinjiapo Huayu cihui yu yufa* (hlm. 25-74). Singapore: Lingzi Media Pte Ltd.
- Wang, L. Y. (2019). *Xinjiapo Huayu wenxue zuopin zhong de chongdie xianxiang yanjiu*. Disertasi Sarjana, Southwest University, China.

- Yu, X., & Wen, Q. F. (2010). Zhongguo Yingyu baozhang zhong pingjiaying xingrongci dapei de bentuhua tezheng. *Foreign Languages and Their Teaching*, 254(5), 23-28.
- Zou, J. Y., & You, R. J. (2010). *Quanqiu Huayu xin ciyu cidian (An international dictionary of Chinese neologisms)*. Beijing: Shangwu Yinshuguan.

### **Biodata Penulis**

**Lau Su Kia** (PhD) mengajar di Fakultas Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya (UM) sejak tahun 2007. Penulis memegang ijazah Sarjana Pengajian Bahasa Modern dan ijazah kedoktoran linguistik yang dikurniakan oleh UM. Bidang penyelidikan penulis termasuk leksikologi, sosiolinguistik, semantik, sintaksis, kajian bahasa iklan dan pengajaran bahasa Cina sebagai bahasa kedua. Penulis juga menyelia pelajar sarjana dan kedoktoran dalam bidang linguistik dan pendidikan.